

WAKAF MENYOKONG BANTUAN KEPADA ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI MALAYSIA

Farhana Mohamad Suhaimi ⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Pensyarah Kanan. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. farhanams@usim.edu.my

Abstrak

Orang Kurang Upaya (OKU) merujuk kepada individu yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan mereka disebabkan sesuatu kekurangan, sama ada daripada segi fizikal ataupun mental, sama ada ia berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya. Mereka ini mengalami keterbatasan mobilisasi sama ada anggota fizikal mahupun mental dalam menjalani kehidupan seharian. Tumpuan perlu diberikan kepada OKU sebagai sebahagian ahli masyarakat yang memerlukan sokongan untuk hidup berdikari. Oleh yang demikian, wakaf juga berperanan membantu kerajaan dalam menyokong meningkatkan kualiti kehidupan OKU dan ke arah memperkasa komuniti yang produktif dan sejahtera. Objektif kertas kerja ini adalah untuk melihat kemudahan dan keistimewaan OKU sedia ada dan bagaimana projek wakaf sedia ada menyumbang dalam usaha menyokong OKU di Malaysia. Kajian yang dijalankan adalah kajian berbentuk kualitatif dan data diperolehi melalui analisis dokumen. Hasil kajian mendapati sumbangan wakaf tidak bersifat eksklusif, malah turut merangkumi keperluan OKU, walau bagaimanapun pelbagai inisiatif baru dengan kerjasama pihak berwajib yang bertanggungjawab dalam hal ehwal OKU boleh diperluaskan lagi untuk kemaslahatan OKU dan kesejahteraan masyarakat.

Kata kunci: Wakaf, OKU, Pengurusan Wakaf

PENGENALAN

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mentakrifkan Orang Kurang Upaya sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan/atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan, sama ada daripada segi fizikal, mental, dan sama ada ia berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya (WHO, 1992).

Dalam konteks Malaysia, merujuk kepada seksyen 2 Akta Orang Kurang Upaya 2008, Orang Kurang Upaya ialah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta OKU, 2008). OKU merupakan seseorang individu yang mengalami keterbatasan mobilitasi merujuk kepada jenis kecacatannya, sama ada fizikal (anggota), mahupun mental (ringan, sederhana, berat), penglihatan, dan pendengaran (M. H. A. Rahman, 2009).

Istilah lain yang sering digunakan dalam mentakrifkan OKU adalah sebagai Orang Kelainan Upaya. Ini memandangkan perbezaan asal OKU bukanlah dari segi fizikal tetapi keupayaannya disebabkan oleh kelahiran secara semula jadi ataupun disebabkan kejadian yang tidak diingini terjadi padanya. Oleh itu, bagi mengkategorikan golongan ini, terdapat sesetengah pihak yang menggunakan istilah 'Orang Kelainan Upaya' (A. H. Ahmad, 2012). Penggunaan istilah ini dianggap lebih menyantuni golongan OKU itu sendiri memandangkan penggunaan istilah 'orang kurang upaya' boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap golongan tersebut. Namun, penggunaan istilah Orang Kurang Upaya adalah lebih tepat. Penggunaan istilah ini juga selaras dengan Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang menetapkan takrifan kurang upaya bagi mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan golongan itu dalam masyarakat (Sinar Harian, 6 April 2021).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Statistik daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia menunjukkan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan 15 peratus daripada jumlah penduduk di dunia ini. Di Malaysia, statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan jumlah OKU di Malaysia yang berdaftar dengan JKJ mengalami peningkatan daripada 453,258 orang bagi tahun 2017 kepada 548,186 orang bagi tahun 2019. Penemuan utama menunjukkan Kurang Upaya Pembelajaran mempunyai bilangan teramai iaitu 186,696 orang, diikuti dengan Kurang Upaya Fizikal (197,412 orang), Kurang Upaya Penglihatan (48,643

orang), Kurang Upaya Mental (45,399 orang), Kurang Upaya Pendengaran (38,675 orang), Kurang Upaya Pelbagai (25,549 orang) dan Kurang Upaya Pertuturan sebanyak 2,812 orang (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019). Jumlah orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar telah meningkat sebanyak 8 peratus, iaitu daripada 548 ribu pada tahun 2019 kepada 593 ribu pada tahun 2020.

Peningkatan jumlah ini menunjukkan terdapat keperluan yang nyata terhadap penyediaan kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya bagi mengurangkan kebergantungan mereka malah, menyokong kemandirian OKU dalam menguruskan kehidupan seharian. Tanpa kemudahan sokongan yang diperlukan, pergerakan mereka lebih terbatas dan menghadkan aktiviti harian mereka. Malah turut mengekang potensi mereka untuk hidup berdikari dan turut berfungsi dalam masyarakat. Selain menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memenuhi keperluan OKU yang merupakan sebahagian daripada masyarakat, wakaf juga turut berperanan menyokong untuk mengukuhkan bantuan kepada OKU. OKU mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

KAJIAN LEPAS

Wakaf adalah menahan harta untuk tujuan kebaikan dan kebajikan kerana Allah s.w.t. Wakaf juga merupakan sumbangan masyarakat secara sukarela yang diberikan untuk apa-apa tujuan yang membawa kebaikan termasuklah bagi tujuan memenuhi keperluan masyarakat. Keistimewaan elemen wakaf yang perlu bersifat tahan lama dan tidak mudah rosak menjadikan sebagai sedekah jariah (sedekah yang berterusan). Ganjaran pahala pewakaf akan mengalir dan berkekalan selagi harta yang diwakafkan itu boleh diambil manfaatnya.

Berdasarkan sejarah, pembiaya projek wakaf berskala besar adalah terdiri daripada pemerintah, isteri dan keluarga pemerintah, kerabat di raja serta golongan atasan. Malah projek berskala besar seperti masjid, istana, rumah musim panas diwakafkan oleh wanita dari golongan atasan, kebanyakan isteri pemerintah dan wanita yang terlibat dalam kehakiman (*court ladies*), namun ada juga projek wakaf yang

berskala kecil (Dragana Amedoski, 2009). Pelbagai aktiviti kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan dan sebagainya telah dilaksanakan menerusi wakaf mencakupi pelbagai lapisan masyarakat termasuklah kemudahan kepada OKU.

Menurut Abattouy & Al-Hassani (t.t), golongan Muslim yang kaya, khasnya pemerintah, telah mewakafkan harta seperti kedai, karavanserai, ladang gandum atau tanah yang digunakan bagi membiayai bangunan dan kos pengurusan hospital wakaf. Fazlur Rahman menukilkan sebagai contohnya, al-Walid ibn Abd al-Malik telah menubuhkan *bimaristan* bagi merawat pesakit kusta dan orang hilang penglihatan (buta). Selain itu, Khalifah Harun al-Rashid dan Khalifah al-Mu'tadid telah menubuhkan hospital di Baghdad, Mekah dan Madinah dan kebanyakan hospital tersebut menyediakan wad khas untuk pesakit mental, kanak-kanak dan wanita berusia.

Selain itu, Orbay, K. (2017) juga menukilkan bahawa walaupun golongan yang memerlukan atau orang kurang upaya berhak menerima makanan dan wang saraan daripada wakaf diraja. Namun, keutamaan wakaf bukanlah dengan memberi makanan dan elaun bulanan secara percuma, tetapi untuk menyediakan pekerjaan kepada mereka. Ini bermakna untuk memahami fungsi bantuan wakaf kemiskinan, seseorang itu perlu mencuba terlebih dahulu melihat kepada pekerjaan yang tidak mahir dan sambilan. Sekiranya seseorang itu tidak dapat bekerja kerana usia atau kecacatan atau semata-mata kerana tiada kekosongan jawatan yang bersesuaian, maka barulah dimasukkan dalam senarai sebagai benefisiari. Terdapat juga sebuah wakaf korporat di Turki, Yayasan Sabanci yang memberi tumpuan secara langsung kepada wanita, belia dan orang kurang upaya (Ismail Abdel Mohsin, M., 2013).

Berdasarkan kajian lepas di atas, sumbangan wakaf secara umum adalah bersifat inklusif untuk semua, manakala sumbangan wakaf yang dikhususkan kepada OKU lebih tertumpu kepada kemudahan dalam aspek kesihatan. Ini kerana dalam hal melibatkan OKU, antara perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah aspek kesihatan. Menurut Amin, A. S., & Manap, J. (2015) bagi OKU yang mendapat simptom penyakit ataupun kecederaan, kekangan kewangan dan geografi telah menyebabkan mereka tidak mendapat rawatan perubatan awal dan akibatnya menjadi kurang upaya kekal. Setelah menjadi kurang upaya fizikal, mereka terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran dalam mendapatkan akses kepada pendidikan formal.

Akibatnya sebahagian daripada mereka tidak dapat meneruskan pengajian dan mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Implikasinya mereka sukar untuk mendapat peluang pekerjaan dan terdedah kepada risiko kemiskinan. Justeru, akses kepada kesihatan, pengangkutan awam, pendidikan dan bangunan terutamanya di kawasan luar bandar perlu dipertingkatkan untuk mengurangkan risiko ketidakupayaan kekal dan membolehkan golongan OKU dapat berdikari serta memberi sumbangan kepada komuniti secara optimum. Justeru itu, artikel ini akan melihat kemudahan dan keistimewaan OKU yang sedia ada dan bagaimana projek wakaf kontemporari menyumbang dalam usaha menyokong OKU khususnya di Malaysia.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Bagi menyokong keperluan OKU, Kerajaan Malaysia telah menyediakan pelbagai kemudahan dan keistimewaan lain kepada OKU yang berdaftar menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara kemudahan dan keistimewaan yang disediakan adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Kemudahan dan Keistimewaan OKU di Malaysia

Kementerian/ Agensi	Kemudahan dan Keistimewaan	Bidang	Kategori OKU Berdaftar	Tahap
Kementerian Pendidikan	Memberikan kemudahan pendidikan dengan menyediakan kelas khas kepada kanak-kanak OKU penglihatan, pendengaran dan bermasalah pembelajaran.	Pendidikan	OKU Penglihatan, Pendengaran dan Bermasalah Pembelajaran.	Kanak-kanak
	Elaun sebanyak RM150 sebulan diberikan kepada pelajar kurang upaya yang berdaftar di sekolah rendah dan menengah.	Pendidikan	Semua OKU	Pelajar sekolah
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Bantuan kewangan kepada semua pelajar OKU yang melanjutkan pengajian di IPTA, IPTS (yang	Pendidikan	Semua OKU	Pelajar di IPT, Politekn

	diluluskan oleh KPT), Politeknik dan Kolej Komuniti yang berada di bawah kawal selia KPT dan wang saku bagi pelajar sepenuh masa yang layak.			ik dan Kolej Komuniti
Kementerian Kewangan / Lembaga Hasil Dalam Negeri	Pelepasan cukai pendapatan bagi anak kurang upaya yang belajar di IPT	Pendidikan	Semua OKU	Dewasa
	Pelepasan cukai pendapatan kepada majikan yang mengambil pekerja OKU.	Ekonomi	Semua OKU	Majikan
	Pelepasan cukai sehingga RM5,000 bagi membeli alat-alat khas untuk kegunaan sendiri, anak atau ibu bapa OKU.	Kesihatan	Semua OKU	Dewasa
	Pelepasan cukai diri sebanyak RM6,000 kepada OKU dan kepada pasangan OKU sebanyak RM3,500.	Sara hidup	Semua OKU	Dewasa
	Pengecualian 100% duti eksais ke atas kenderaan OKU	Pengangkutan	Semua OKU	Dewasa
	Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas semua peralatan direka khas untuk kegunaan OKU.	Kesihatan	Semua OKU	Dewasa
Kementerian Pengangkutan	Pengecualian cukai jalan dan diskaun tambang pengangkutan awam	Pengangkutan	Semua OKU	Semua
Kementerian Wilayah Persekutuan	Kemudahan perumahan dengan kadar sewa rumah yang rendah kepada OKU yang menyewa rumah kos rendah atau rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Perumahan	Semua OKU	Dewasa

Syarikat Perumahan Negara	Potongan 20% harga pembelian rumah	Perumahan	Semua OKU	Dewasa
Kementerian Kesihatan	Pengecualian bayaran rawatan perubatan	Kesihatan	Semua OKU	Semua
Jabatan Tenaga Kerja	Dasar satu peratus pekerjaan dan peluang pekerjaan di sektor awam diperuntukkan kepada golongan OKU	Ekonomi	Semua OKU	Dewasa
	Sistem penempatan OKU pendaftaran secara atas talian kepada majikan dan pencari kerja	Ekonomi	Semua OKU	Dewasa
	Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP – OKU)	Ekonomi	Semua OKU	Dewasa
Jabatan Perkhidmatan Awam	Kemudahan pencen terbitan kepada anak OKU penjawat awam yang telah meninggal dunia	Sara hidup	Semua OKU	Anak
	Kakitangan perkhidmatan awam yang mempunyai anak-anak OKU dibenarkan bekerja mengikut jam fleksi untuk menguruskan kebajikan anak mereka.	Kebajikan	Semua OKU	Dewasa
Kementerian Dalam Negeri	Kemudahan pengecualian bayaran membuat MyKad, carian sijil kelahiran atau sijil kematian dan dokumen perjalanan	Kebajikan	Semua OKU	Semua
Telekom Malaysia	Kemudahan telekomunikasi dan multimedia	Perhubungan	Semua OKU	Semua

Sumber: Diubahsuai daripada Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) (t.t)

Walaupun kerajaan telah membangunkan dasar, polisi dan menyediakan pelbagai kemudahan dan keistimewaan untuk OKU dalam pelbagai aspek kesihatan, pendidikan, sara hidup, ekonomi, pengangkutan, perumahan, perhubungan dan kebajikan. Namun tidak dapat dinafikan peningkatan jumlah OKU yang berdaftar di Malaysia juga menunjukkan bahawa lebih banyak keperluan dan kemudahan OKU perlu dipertingkatkan dan diberi perhatian.

Persekitaran seseorang mempunyai kesan yang besar terhadap pengalaman dan tahap ketidakupayaan. Persekitaran yang tidak boleh diakses mewujudkan halangan yang sering mengekang penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat secara sama rata dengan orang lain. Kemajuan dalam meningkatkan penyertaan sosial boleh dibuat dengan menangani halangan ini dan memudahkan orang kurang upaya dalam kehidupan seharian mereka (WHO, 2022). Justeru, sokongan dan galakan dalam aspek material dan bukan material perlu dilakukan secara berterusan dan bersama untuk memastikan penyertaan secara penuh OKU dalam masyarakat. Ini dapat membantu OKU berhadapan pelbagai halangan persekitaran dan sikap masyarakat. Walaupun menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan kemudahan yang sebaiknya untuk OKU, namun sifat prihatin dan ingin menyumbang untuk kebaikan masyarakat juga seharusnya dipupuk dalam kalangan masyarakat agar kehidupan bermasyarakat lebih harmoni dan saling menghormati. Sifat ini dapat disuburkan antaranya menerusi wakaf.

Fungsi wakaf dalam bidang sosial amat penting dalam menyokong pembangunan sosioekonomi masyarakat pada umumnya dan khususnya kepada golongan yang memerlukan. Sumbangan wakaf di Malaysia dilihat dalam menyediakan pelbagai fasiliti dan menyokong pelaksanaan pelbagai kemudahan dan keperluan untuk masyarakat dalam pelbagai aspek. Bagi warga OKU khususnya, sumbangan wakaf dibahagikan dalam aspek seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan ekonomi.

Dalam aspek pendidikan OKU, antara projek kemudahan OKU yang dibangunkan menerusi wakaf adalah pembangunan Pusat Autisme, aplikasi Android Quran Isyarat, alat mesin pencetak Braille serta wakaf van OKU. Pembangunan Pusat Autisme di Negeri Perlis berkonsepkan wakaf melalui program Wakaf Tunai MAIPs diusahakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Projek

Fasa 1 bermula pada tahun 2021 melibatkan kos awal berjumlah RM1 juta. Pusat Autism ini merupakan sebuah pusat penjagaan dan pendidikan harian khusus kepada golongan anak-anak istimewa autism bagi memastikan perkembangan menyeluruh golongan istimewa ini melalui pendekatan terapi, kurikulum pendidikan dan latihan berasaskan pekerjaan yang diperlukan oleh warga komuniti. Selain itu, pusat ini turut menyediakan latihan, pengajaran dan pembelajaran, pembangunan teknologi dan sumber pendidikan bagi meningkatkan perkembangan anak-anak istimewa ini serta pelaksanaan program sukarelawan bagi memanfaatkan keistimewaan golongan ini bersama komuniti. Pembangunan pusat ini dijalankan dengan kerjasama MAIPs bersama rakan strategik khususnya Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri serta pelbagai agensi dan NGO lain serta para pewakaf (MAIPS, 2020).

Selain itu, sebuah Projek Aplikasi Android Quran Isyarat (Inovasi Perisian Quran Mesra OKU Pendengaran) juga telah dibangunkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 4 Oktober 2017. Aplikasi Quran Isyarat ini dinaik taraf dari perisian sebelumnya iaitu, i-Sign QurANIS yang dibangunkan sebagai *mobile application* melalui platform Android (sedia ada) dan iOS (akan datang). Aplikasi ini mensasarkan keseluruhan Quran (30 Juzuk) bagi membantu komuniti OKU Pendengaran berinteraksi dengan Quran bermula dengan proses mengenal, menghafal, membaca dan menjelaskan isi kandungan ayat Quran yang dibantu oleh jurubahasa isyarat Malaysia. Selain itu, elemen-elemen unik dan inovatif seperti transliterasi makhraj, jurubahasa isyarat dan terjemahan mesra orang Pekak ditambahbaik dengan panduan isyarat tangan dalam huruf hijaiyyah bagi setiap ayat-ayat al-Quran yang terpampang dalam aplikasi ini (Ahmad Razuan et.al., 2019). Quran Isyarat ini merupakan sebuah projek wakaf di bawah selia UMMI dengan kerjasama Pusat Wakaf dan Zakat USIM (PWZ), Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan Yayasan FAQEH. Pembangunan projek ini bergantung kepada dana wakaf yang disalurkan oleh masyarakat awam melalui <https://jominfaq.usim.edu.my>. Keterlibatan masyarakat awam akan meningkatkan tahap kesedaran umat Islam terhadap isu penguasaan agama di kalangan orang Pekak yang masih lemah (Ahmad Razuan et.al., 2019).

Menerusi wakaf pendidikan OKU juga, sebuah alat mesin pencetak Braille telah berjaya disumbangkan hasil manfaat dana wakaf ilmu Universiti Putra Malaysia (UPM). Alat pencetak Braille ini dilengkapi dengan perisian khas Non-Visual Desktop Access (NVDA) yang mampu memudahkan para pelajar OKU. Alat ini akan ditempatkan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad yang akan memberi manfaat kepada pelajar OKU dan individu OKU di luar UPM (WAZAN, 2019). Terdapat juga Skim Wakaf Kenderaan yang diwujudkan oleh UPM dan Universiti Malaya (UM) bagi memenuhi keperluan pengangkutan dalam Universiti seperti kenderaan khas bagi golongan OKU. Wakaf Van OKU di UM, sebagai contohnya dianggarkan dengan kos RM 150,000 dan kutipan terkumpul telah mencapai RM 119, 558.64 sehingga April 2021.

Dalam aspek kesihatan OKU pula, adanya Wakaf Mesra OKU yang merupakan kemudahan alat bantuan dan keperluan golongan OKU yang disediakan oleh Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Tumpuan diberikan kepada OKU yang kurang berkemampuan, dari golongan asnaf atau kumpulan B40 yang berdaftar sebagai OKU dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan atau pakar perubatan. Projek yang dijalankan adalah Bantuan Alat Sokongan atau Alat Tiruan bertujuan memberi bantuan kepada golongan OKU yang kurang berkemampuan untuk membeli alat sokongan atau alat tiruan seperti alat pendengaran, kaki palsu dan lain-lain yang bersesuaian dengan syarat mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan. Kadar sumbangan yang diberikan kepada OKU adalah mengikut harga sebenar alat bantuan/tiruan (YWM, 2022).

Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (MAIK) menerusi Projek Pusat Wakaf MAIK akan membangunkan Pusat Sehenti Transformasi OKU, Hemodialisis dan Pusat Pemulihan dan Fisioterapi. Lokasi tapak cadangan terletak di Lot 2453 Mukim Ulu Sat, Kampung Belukar, Machang. Antara matlamat projek berkenaan adalah untuk membantu setiap golongan asnaf dan fakir dalam memperbaiki kualiti ekonomi hidup serta kesihatan. Selain itu, ia diwujudkan bagi memberi nilai tambah dalam mempersiapkan golongan OKU untuk sumber tenaga manusia kepada negara dalam memperkasakan taraf ekonomi kumpulan istimewa tersebut termasuklah keluarganya (MAIK, 21 November 2021).

Dalam aspek Pembangunan Ekonomi OKU pula, Wakaf Be#\$kill dilancarkan oleh YWM. Wakaf ini merupakan bantuan latihan dan modal perniagaan kepada

golongan asnaf, kumpulan B40, ibu tunggal dan termasuk juga kepada OKU yang kurang berkemampuan dan berdaftar dengan JKM. Projek Penganjuran Latihan Asas Keusahawanan ini menyediakan latihan asas keusahawanan kepada kumpulan sasaran yang terpilih bagi memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. Kadar sumbangan adalah RM5,000.00 dalam bentuk geran bantuan perniagaan *one off* untuk setiap individu yang terpilih (YWM, 2022).

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian lepas di atas, sumbangan wakaf tradisional kepada OKU lebih tertumpu kepada kemudahan dalam aspek kesihatan. Manakala di Malaysia, usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan dan keistimewaan kepada golongan OKU bagi memenuhi hak dan menggalakkan penyertaan mereka dalam masyarakat adalah tidak dinafikan. Penyediaan kemudahan kepada OKU untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain dalam memenuhi keperluan harian mereka, bukan sahaja memerlukan pemerhatian dan penelitian malah turut memerlukan dana yang besar. Usaha yang turut disokong bersama oleh masyarakat menerusi wakaf dapat memperluaskan dan mempelbagaikan lagi kemudahan yang diperlukan. Sumbangan wakaf di Malaysia misalnya dalam menyediakan beberapa kemudahan kepada OKU dalam aspek pendidikan, kesihatan dan pembangunan ekonomi juga merupakan satu usaha yang amat baik. Walau bagaimanapun pelbagai inisiatif baru dengan kerjasama pihak berwajib yang bertanggungjawab dalam hal ehwal OKU boleh diperluaskan lagi untuk kemaslahatan OKU dan kesejahteraan masyarakat.

RUJUKAN

- Ahmad Razuan et. al (2019). Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Amin, A. S., & Manap, J. (2015). Geografi, kemiskinan dan wanita kurang upaya di Malaysia. *Malaysian Journal Society & Space*, 11, 7-82.

- Centre For Management Of Waqf, Zakat And Endowment (WAZAN) (2019). Satu Sumbangan Wakaf Lagi Kepada Warga OKU. https://wazan.upm.edu.my/news/satu_sumbangan_wakaf_lagi_kepada_warga_oku-49535
- Dragana Amedoski (2009). Women waqfs in the sixteenth-century Sanjak of Kruševac (Alaca Hisâr). Institute of History Belgrade. 43-56. DOI:10.2298/BALC0940043A Abattouy, Mohammed & Al-Hassani, Salim T S (t.t). The role of awqāf
- Fazlur Rahman (1989). *Health and Medicine in the Islamic Tradition* (New York: Crossroad, 1989) dalam Tamara Sonn. Health and medicine in the Islamic tradition: Fazlur-Rahman's view". *JIMA* 28 (1996) 189-194
- Ismail Abdel Mohsin, M. (2013) Financing through cash-waqf: a revitalization to finance different needs. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, Vol. 6 No. 4, pp. 304-321. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-08-2013-0094>
- Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) (t.t) Senarai Kemudahan Dan Keistimewaan Bagi Orang Kurang Upaya. <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/Kemudahan%20dan%20Keistimewaan%20OKU%20di%20Malaysia.pdf>
- Jominfaq USIM (2022). Dana Infaq Quran Isyarat. <https://jominfaq.usim.edu.my/projects/index.php>
- MAIPS (2020). MAIPs Bakal Tubuh Pusat Autisme. https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_k2&view=item&id=1224:maips-bakal-tubuh-pusat-autisme&Itemid=748&lang=en
- Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (21 November 2021). Cadangan Pembinaan Pusat Wakaf Kesihatan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) di Machang. <https://www.e-maik.my/v2/index.php/en/koleksiberita/berita-2021/cadangan-pembinaan-pusat-wakaf-kesihatan-majlis-agama-islam-dan-adat-istiadat-melayu-kelantan-maik-di-machang>.
- Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (2019). Laporan Tahunan, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya Jabatan Kebajikan Masyarakat, <https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/Bahagian%20Kawalan%20Standard/Portal%20LT%20MKBOKU%202019.pdf>

Orbay, K. (2017). Imperial Waqfs within the Ottoman Waqf System, *Endowment Studies*, 1(2), 135-153. doi: <https://doi.org/10.1163/24685968-00102002>

Sinar Harian (6 April 2021). Ras Adiba mohon penggunaan tafsiran betul perkataan OKU. <https://www.sinarharian.com.my/article/132207/berita/nasional/ras-adiba-mohon-penggunaan-tafsiran-betul-perkataan-oku>

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) (2022). Tajaan. <https://www.ywm.gov.my/tajaan>